

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	01/08/2017C

Kit Siang semakin panik

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 31 JULAI

PENASIHAT DAP, Lim Kit Siang kini semakin panik untuk meneruskan kerjaya politiknya apabila penipuan mengenai siapa yang sebenarnya memimpin Pakatan Harapan semakin terserlah.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamarudin berkata, penipuan Kit Siang didedahkan dan sedang dibogelkan kepada umum malah ia jelas dapat dibaca oleh khalayak apabila Kit Siang memberitahu Pakatan Harapan dipimpin oleh PKR dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan bukannya DAP.

"Kit Siang berpendapat bahawa cara 'Ali Baba' boleh digunakan di dalam politik kerana ia boleh ber-



DR. MAHATHIR



LIM KIT SIANG

jaya dalam perniagaan.

"Beliau meletakkan semua bekas pemimpin UMNO di muka hadapan sebagai wajah Melayu Pakatan Harapan dan ini merupakan perkara kurang cerdik yang dilakukan Kit Siang," katanya menerusi portal *Malaysia Today* semalam.

Menurut Raja Petra, Kit Siang hanya mempunyai satu alternatif untuk kekal relevan iaitu DAP mesti menang sekurang-kurang-

nya 55 kerusi Parlimen dalam pilihan raya umum akan datang manakala PKR, PPBM dan PAN yang digabungkan di dalam Pakatan Harapan mesti menang tidak kurang daripada 60 kerusi.

"Jika Pakatan Harapan gagal merebut peluang ini maka Kit Siang tahu kerjaya politiknya dan seluruh ahli keluarga termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan berkubur," katanya.

Tambahnya, Kit Siang tahu undi kaum Cina telah dimaksimumkan dalam pilihan raya umum yang lalu malah Penasihat DAP itu sendiri kini tidak dapat memastikan sama ada pengundi Cina akan memihak kepada parti tersebut.

"Ini kerana 'perikatan suci' antara beliau dengan Dr. Mahathir membuatkan kaum Cina sangat jijik terhadap kedua-dua pemimpin ini," katanya.

Oleh itu, Raja Petra berkata, Kit Siang mereka-reka cerita bahawa Pakatan Harapan kini lemah dan cuba berharap rakyat mempercayai pembohongannya.

"Kit Siang cuba meyakinkan rakyat bahawa DAP dan Pakatan Harapan lemah sejak empat tahun lalu tetapi dengan adanya Dr. Mahathir dan sebahagian lagi bekas pemimpin UMNO masa depan pakatan lebih cerah," jelasnya.

Beliau memberitahu, rancangan asal Kit Siang adalah untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan apabila ia gagal, Ahli Parlimen Gelang Patah itu berpendapat, perkara itu mesti dilakukan oleh bekas pemimpin UMNO juga.

"Tetapi sebenarnya Kit Siang menghampiri seorang lelaki yang hampir lemas dan kini Dr. Mahathir juga sedang menyeretnya bersama," katanya.

um-1/8/2017 pg.7